



NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Pelanggan Yang Dihargai,

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (“APDP”)

APDP telah berkuatkuasa pada 15 November 2013. Dibawah APDP, kami, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) perlu memberi notis kepada anda sebagai pelanggan kami berkenaan dengan hak-hak anda keatas data-data peribadi anda (“Data Peribadi”) yang telah dan/atau akan anda berikan kepada kami bagi tujuan bekalan air.

DATA PERIBADI ANDA

Data Peribadi anda yang telah diambil dan mungkin akan diambil di masa hadapan adalah seperti berikut :-

- Nama
- Nombor Kad Pengenalan/Pasport
- Alamat premis/Alamat surat menyurat
- No. Telefon/Faks
- Alamat email
- Data-data Peribadi yang diperolehi daripada dokumen-dokumen yang dibekalkan kepada kami termasuk tetapi tidak terhad kepada Perjanjian Jual Beli, Perjanjian Sewaan, Surat Kuasa Mentadbir, Sijil Pengesahan Wasiat, Surat Kuasa Wakil, Sijil Kelahiran dan Sijil Kematian.

PEMPROSESAN DATA PERIBADI ANDA

Data Peribadi anda akan digunakan dan diproses bagi tujuan-tujuan berikut :-

- Bekalan air ke premis anda
- Penyelenggaraan saluran air ke premis anda
- Pemprosesan pembayaran bil-bil bekalan air
- Komunikasi dengan anda
- Penyediaan khidmat-khidmat berkaitan

PENZAHIRAN DATA PERIBADI ANDA

Data Peribadi anda akan dizahirkan kepada pihak-pihak dan bagi tujuan berikut :-

- Indah Water Konsortium (“IWK”) bagi tujuan pembekalan perkhidmatan pembentungan
- Panel peguam untuk tujuan tindakan undang-undang yang berkaitan dengan bekalan air
- Jika dikehendaki oleh mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang.

AKSES, PEMBETULAN DAN ADUAN

Anda boleh pada bila-bila masa (tertakluk kepada fi) mengemukakan pertanyaan bertulis meminta akses kepada, membuat pembetulan, atau menghadkan pemprosesan terhadap Data Peribadi atau untuk apa apa aduan kepada Pegawai Pematuhan Perlindungan Data PBAPP ke alamat dan emel seperti berikut :-

Pegawai Pematuhan Perlindungan Data Peribadi
PBAPP Sdn Bhd
Tingkat 33, Menara KOMTAR, 10000, Jalan Penang, Pulau Pinang
Emel : mohdaziz@pba.com.my

Notis ini juga disediakan di dalam versi Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat konflik antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Ir. PATHMANATHAN K
Ketua Pegawai Eksekutif
8.11.2022